

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 31 Julai 2016 16:09
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: ERATKAN SILATURAHIM TERUSKAN KECEMERLANGAN! - SMK AGAMA KEDAH



31 JULAI 2016 / 26 SYAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

ERATKAN SILATURAHIM TERUSKAN KECEMERLANGAN! - SMK AGAMA KEDAH



ANJUNG TAMU ONLINE: Seri UUM ditambah lagi sempena Majlis Silaturahmi Aidilfitri Universiti yang diadakan baru-baru ini sebaik sahaja 30 pelajar dan 3 pengiring Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah (SMK Agama Kedah) melangkah masuk ke Rumah Ibu Welcome Centre.

Guru Kanan SMK Agama Kedah, Ustaz Mohd. Kashfi merakamkan ucapan terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk mereka bertukar-tukar maklumat di samping mempelajari Bahasa Arab.

“Eratkan silaturahmi”, ujarnya.

Setelah melawat sekitar Welcome Centre sambil Discover UUM, Ustaz Kashfi berkata,

“Satu pusat sehenti yang menarik dan membekalkan banyak maklumat mengenai UUM khususnya kepada para pelajar”.

“Teruskan kecemerlangan”.

Dalam pada itu, SMK Agama Kedah tidak dapat disangkal lagi mempunyai kebitaraan yang menggambarkan watak sekolah sebagai sekolah kluster kecemerlangan.

Malah, sekolah yang cemerlang sudah pasti melahirkan pelajar yang holistik dalam aspek akademik, kokurikulum, sahsiah serta penampilan diri. Ciri tersebut terserlah dengan pelajarnya memberi tumpuan dan berani mengutarakan soalan yang di luar jangkaan ketika taklimat disampaikan oleh Welcome Centre.

Semoga SMK Agama Kedah akan terus dicontohi dan menjadi *showcase* di peringkat antarabangsa.

lanya menjadi nilai tambah dengan usaha Pejabat Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni (PPA) UUM CAS yang bekerjasama dengan SMK Agama Kedah melalui program pendidikan yang lebih berkesan dan terancang sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka. Hadir bagi menyokong usaha murni ini, Timbalan Dekan PPA UUM CAS, Dr. Jafri Zulkepli Hew.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

